

SINOPSIS

Buku ini ditulis berdasarkan pengumpulan data kajian empirikal di lapangan. Maklumat yang diperoleh melalui kajian saintifik ini merupakan fakta yang boleh dijadikan asas kepada usaha pelbagai pihak ke arah meningkatkan kesejahteraan isi rumah. Walaupun kajian tertumpu di Negeri Johor, dapatan yang dikumpul boleh diaplikasikan untuk negeri-negeri lain di Malaysia.

Topik-topik yang menjadi perbincangan di dalam buku ini ialah tentang kesejahteraan ekonomi dan kebendaan isi rumah pekerja kilang dan yang berpendapatan rendah dengan memfokus kepada angkuabah pendapatan dan penggunaan. Selain itu, status sosioekonomi, isu yang berkaitan dengan kepuasan dan persekitaran di kalangan isi rumah, serta persoalan remaja dan aspek kejiranan turut dibincangkan,

Penulis turut mengetengahkan topik penglibatan warga tua dalam komuniti dan hubungan kekeluargaan, serta dinamikanya hubungan itu dengan ahli keluarga. Seterusnya, bagi melengkapkan perbincangan, penulis telah membincangkan tentang kesan kegawatan ekonomi kepada isi rumah berpendapatan rendah. Aspek yang dibincangkan termasuklah kesan kegawatan kepada negara, kesan kegawatan terhadap pasaran buruh dan kesejahteraan masyarakat.